

TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR NORAZMIR MD NOR
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR

MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
PERASMIAN HEARTBEAT HEROES

23 SEPTEMBER 2025 | SELASA | 9:00 PAGI
DEWAN ANGGERIK SARI
PLAZA SATELIT B
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majelis



ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN

WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL

ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI

WASOHBHIH AJMAIN

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr Mohamad Hafiz Mamat

Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi

YBrs. Profesor Dr Fazah Akhtar Hanapiah

Dekan

Fakulti Perubatan

YBhg. Dato' Dr. Khalid Ibrahim

Timbalan Pengarah Profesional dan Operasi

Hospital Al-Sultan Abdullah

YBrs. Dr Mohd Fazrul Bin Mokhtar

Pengerusi Program

The Heartbeat Heroes UiTM Cawangan Selangor

Barisan Pengurusan UiTM Cawangan Selangor

Barisan Pengurusan Fakulti Perubatan

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya kita dapat berkumpul pada hari ini sempena program ***Heartbeat Heroes***.
3. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada urus setia yang telah berusaha dengan penuh dedikasi demi menjayakan program ini.

Hadirin yang saya hormati,

4. *Sudden cardiac arrest* atau henti jantung mengejut boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, tanpa mengira usia atau tahap kesihatan.
5. Dalam keadaan ini, setiap minit amat kritikal, dan kajian juga telah membuktikan bahawa tanpa CPR, peluang untuk hidup merosot sehingga 10% bagi setiap minit yang berlalu.

6. Namun, jika CPR dilakukan dan *Automated External Defibrillator* (AED) digunakan dalam masa tiga minit, kadar kelangsungan hidup boleh mencecah lebih 70%.
7. Kita juga sedia maklum bahawa di Malaysia, kadar bantuan CPR oleh orang awam masih rendah, berpunca daripada kurangnya kesedaran, latihan yang terhad serta kekangan sosial dan budaya.
8. Contoh paling dekat dengan kita adalah apabila terjadi insiden tragis pada Oktober 2024, yang meragut nyawa seorang pelajar UiTM akibat *sudden cardiac arrest*.
9. Hal ini menjadi peringatan yang jelas tentang kepentingan untuk kita sentiasa bersedia serta bertindak pantas apabila berdepan situasi kecemasan.

Hadirin sekalian,

10. Hari ini, UiTM Cawangan Selangor mencipta satu lagi sejarah apabila tampil menerajui usaha mewujudkan ***heart safe campus***, hasil kolaborasi erat antara Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor, Fakulti Perubatan, serta Hospital Al-Sultan Abdullah.
11. Apabila projek ini berkembang, saya berharap ia dapat diperluas ke seluruh kampus UiTM di Malaysia.
12. Dengan 34 kampus, melibatkan 160,000 pelajar dan 17,000 staf, bayangkanlah impaknya jika seluruh warga UiTM mahir melaksanakan CPR dan menggunakan AED dengan betul.
13. Usaha ini bukan sahaja melindungi komuniti kampus, malah berpotensi menyelamatkan nyawa

di mana jua kita berada, dan sekali gus mengangkat nama UiTM sebagai universiti yang prihatin dan dekat dengan masyarakat.

Hadirin dihormati,

14. Kita telah melihat kejayaan Penang Heartsafe Program sejak 2015, dengan puluhan ribu orang awam dilatih dan lebih seribu AED dipasang di lokasi strategik.
15. Program ini bukan sahaja berjaya menyelamatkan nyawa, malah membuktikan latihan dan kesedaran awam mampu memberi impak besar kepada keselamatan masyarakat.
16. Namun begitu, kajian pakar UiTM mendapati kadar CPR oleh orang awam di Malaysia masih rendah, hanya 17.5%, jauh di bawah Eropah

(47.4%) dan pada julat terendah bagi negara-negara Pan-Asia (10.6–41.6%)

17. Inilah jurang yang ingin kita tangani dengan melahirkan lebih ramai *first responders*.

18. Justeru, inisiatif Heartbeat Heroes bukan sahaja seiring dengan aspirasi universiti melahirkan graduan berilmu dan berperanan dalam komuniti, malah turut menyokong agenda SDG melalui usaha meningkatkan kesihatan, pendidikan berkualiti, komuniti selamat dan kerjasama pelbagai pihak.

19. Saya yakin projek ini bukan sekadar program jangka pendek, tetapi satu usaha berterusan untuk membina budaya keselamatan, kesejahteraan dan kelestarian dalam ekosistem universiti serta masyarakat.

20. Akhir kata, saya menyeru seluruh warga UCS agar menjadikan *Heartbeat Heroes* ini sebagai satu budaya bersama.

21. Marilah kita jadikan UiTM bukan sekadar tempat menimba ilmu, tetapi juga medan lahirnya para *heartsavers*, atau responden pertama yang bersedia bertindak apabila berdepan situasi kecemasan.

Sinar mentari menyapa pagi,
Membawa harapan penuh bermakna;
Ilmu CPR kita pelajari,
Nyawa diselamat, sejahtera bersama.

22. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirraim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program *Heartbeat Heroes*** peringkat UiTM Cawangan Selangor.

Sekian,

**Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**